

Artikel

Pemerian Sistem Fonologi Dialek Melayu Patani Varian Narathiwat: Analisis Struktural
(Description of the Phonological System in the Patani Malay Dialect of the Narathiwat Variant: A Structural Analysis)

Miss Deela Sinur, Rahim Aman, Shahidi A.H.*, Nurul Shuhada Shafie & Rusydiah Abd Salam

Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: zedic@ukm.edu.my

Diserah: 02 Mei 2025

Diterima: 02 Ogos 2025

Abstrak: Dialek Melayu Patani merupakan salah satu dialek yang dituturkan secara meluas oleh masyarakat Melayu di wilayah selatan Thailand, khususnya di Pattani, Yala, Narathiwat, serta sebahagian kawasan di Songkhla seperti daerah Sebayoi, Thepa, Nathawi dan Chana. Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan sistem fonologi yang terdapat dalam dialek Melayu Patani varian Narathiwat (DMPVN) dengan memberi tumpuan kepada dua komponen utama, iaitu sistem vokal dan konsonan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kualitatif deskriptif. Bagi memperoleh data dan maklumat linguistik yang relevan, dua kaedah utama telah digunakan iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Lokasi kajian melibatkan enam buah kampung iaitu kampung Kresor (KRS), Buketa (BKT), Puyok (PYK), Munok (MNK), Benae Luwas (BNL) dan Aikubu (AKB). Secara keseluruhannya, DMPVN memiliki lapan vokal iaitu empat vokal depan /i/, /e/, /ɛ/ dan /a/; satu vokal tengah /ə/ dan tiga vokal belakang /u/, /o/ dan /ɔ/. Bagi konsonan pula, terdapat lapan belas konsonan yang terdiri daripada enam konsonan letupan /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/; tiga konsonan geseran /s/, /ɣ/ dan /h/; dua konsonan letusan /tʃ/ dan /dʒ/; empat konsonan sengauan /m/, /n/, /ɲ/ dan /ŋ/; satu konsonan sisian /l/ serta dua konsonan separuh vokal /w/ dan /j/. Kajian ini memberikan sumbangan signifikan terhadap pengkajian dialektologi Melayu. Selain itu, kajian ini turut menjadi sumber ilmiah yang bermanfaat dan memperkayakan khazanah ilmu dalam bidang linguistik Melayu, khususnya berkaitan dengan dialek Melayu Patani.

Kata kunci: Dialek Melayu Patani; fonologi; konsonan; kualitatif; varian Narathiwat

Abstract: The Patani Malay dialect is one of the dialects widely spoken by the Malay community in the southern region of Thailand, particularly in Pattani, Yala, Narathiwat, and parts of Songkhla such as the districts of Sebayoi, Thepa, Nathawi, and Chana. This study aims to describe the phonological system found in the Patani Malay dialect of the Narathiwat variant (PMDNV), focusing on two main components: the vowel and consonant systems. The approach used in this study was descriptive qualitative. Two primary methods were employed to obtain relevant linguistic data and information: library and field studies. The research location involved six villages: Kresor (KRS), Buketa (BKT), Puyok (PYK), Munok (MNK), Benae Luwas (BNL), and Aikubu (AKB). Overall, the PMDNV has eight vowels, namely four front vowels /i/, /e/, /ɛ/, and /a/; one central vowel /ə/; and three back vowels /u/, /o/, and /ɔ/. As for the consonant, there are eighteen in total, consisting of six plosive consonants /p/, /b/, /t/, /d/, /k/, and /g/; three fricative consonants /s/, /ɣ/, and /h/; two affricate consonants /tʃ/ and /dʒ/; four nasal consonants /m/, /n/, /ɲ/, and /ŋ/; one lateral consonant /l/; and two semi-vowel consonants /w/ and /j/. This study provides a significant contribution to the study of

Malay dialectology. In addition, it serves as a valuable scholarly resource and enriches the body of knowledge in Malay linguistics, particularly concerning the Patani Malay dialect.

Keywords: Patani Malay dialect; phonology; consonant; qualitative; Narathiwat variant

Pengenalan

Negeri Patani pada asalnya dikenali sebagai Langkasuka. Menurut catatan pelawat-pelawat dari China yang berhubung dengan negeri-negeri di Asia Tenggara, sebuah kerajaan yang dikenali sebagai Langkasuka atau *Lang-Ya-Shiu* (Paul Wheatley, 1961; Nik Anuar, 2006) telah wujud seawal abad kedua Masihi. Berpandukan catatan tersebut ahli-ahli sejarah Eropah percaya bahawa negeri Patani pada peringkat awalnya terletak di bahagian timur Semenanjung Tanah Melayu, iaitu di antara wilayah Songkhla dan negeri Kelantan, dengan pusat pemerintahannya terletak di daerah Yarang, wilayah Pattani (Nik Anuar, 2006). Pada tahun 1816, kerajaan Patani telah dibahagikan kepada tujuh negeri kecil yang dikenali sebagai 'Kawasan Tujuh Negeri Melayu'. Negeri-negeri tersebut merangkumi Rangek, Raman, Yala, Yaring, Saiburi, Nongchik dan Pattani. Berdasarkan perkembangan sistem pentadbiran moden Thailand, sebahagian daripada negeri-negeri tersebut telah dinaik taraf menjadi wilayah, manakala selebihnya diklasifikasikan sebagai daerah. Pada masa ini, Yala dan Pattani merupakan wilayah di selatan Thailand, manakala Saiburi, Yaring dan Nongchik merupakan daerah dalam wilayah Pattani. Sementara itu, Raman merupakan sebuah daerah dalam wilayah Yala, dan Rangek pula merupakan sebuah daerah yang terletak dalam wilayah Narathiwat (Ruslan, 2011).

Pada tahun 1902, semasa pemerintahan Raja Chulalongkorn, Patani telah dimasukkan secara rasmi ke dalam sistem pemerintahan Siam dan menjadi sebahagian daripada negeri-negeri yang berada di bawah pentadbiran kerajaan pusat Siam (Nanthawan, 1978; Ruslan, 2011). Pada tahun 1906, tujuh negeri kecil di kawasan Patani telah disusun semula menjadi empat negeri utama, iaitu Pattani, Saiburi, Yala dan Bangnara. Kemudian, pada tahun 1915, nama Bangnara telah ditukar kepada Narathiwat (Baru, 1990). Dalam tahun yang sama (1906), semua negeri ini telah digabungkan di bawah satu entiti pentadbiran yang dikenali sebagai Monthon Patani (Nanthawan, 1978; Ruslan, 2011). Seterusnya, pada tahun 1916, kerajaan Siam telah memperkenalkan perubahan dalam sistem pentadbiran dengan menggantikan sistem Monthon kepada sistem *Changwat* (wilayah) (Baru, 1990). Sejak perubahan tersebut, negeri Melayu yang dikenali sebagai Patani telah ditukar statusnya menjadi wilayah Pattani, yang kini merupakan sebahagian daripada kawasan selatan Thailand (Ruslan, 2011).

Terdapat dua istilah yang sering digunakan secara sinonim dalam merujuk kepada Patani dan Pattani. Perkara ini dapat diperhatikan dalam penggunaan istilah seperti 'dialek Melayu Patani' dan 'dialek Melayu Pattani' yang merujuk kepada dialek Melayu yang digunakan di wilayah Pattani, Yala, Narathiwat serta sebahagian wilayah Songkhla (Ruslan, 2011). Namun begitu, Paitoon (2005) menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang lebih tepat antara kedua-dua istilah tersebut. Menurut beliau, istilah 'Patani' merujuk kepada kawasan geografi yang lebih luas, meliputi bukan sahaja wilayah Pattani, tetapi juga Yala, Narathiwat dan sebahagian wilayah Songkhla. Sebaliknya, istilah 'Pattani' digunakan secara khusus bagi merujuk kepada wilayah pentadbiran Pattani sahaja, tanpa melibatkan kawasan sekitarnya.

Dialek Melayu Patani merupakan salah satu dialek Melayu yang dituturkan secara meluas oleh masyarakat Melayu di wilayah selatan Thailand, khususnya di Pattani, Yala, Narathiwat, serta sebahagian kawasan di Songkhla seperti daerah Sebayoi, Thepa, Nathawi dan Chana. Beberapa kajian mengenai dialek Melayu Patani telah dijalankan, antaranya oleh Paitoon (1983), Ruslan (2011), Ibrohim (2016; 2023), Sareeyah (2016), Suraiya (2020) dan Rahim et al. (2021). Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian terdahulu, dapat disimpulkan bahawa kajian yang ditampilkan ini bukanlah satu penyelidikan yang menyeluruh untuk mewakili keseluruhan wilayah Narathiwat. Hal ini demikian kerana masih terdapat banyak daerah dalam wilayah tersebut yang belum diterokai secara mendalam. Walau bagaimanapun, keterbatasan tersebut tidak seharusnya dianggap sebagai suatu kelemahan terhadap penyelidikan yang telah dilaksanakan kerana setiap penyelidik mempunyai justifikasi tersendiri dalam menentukan skop kajian, yang lazimnya dipengaruhi oleh bidang kepakaran, minat serta kekangan masa dan sumber sepanjang tempoh pelaksanaan

penyelidikan (Norfazila & Shahidi, 2024). Meskipun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa sumbangan kajian-kajian terdahulu amat signifikan dan menjadi asas penting kepada penyelidik seterusnya dalam melaksanakan kajian lanjutan yang lebih terperinci.

Secara khususnya, kajian oleh Paitoon (1983), Ruslan (2011), Sareeyah (2016) dan Suraiya (2020) memberi tumpuan kepada aspek fonologi dialek Melayu Patani, manakala kajian Ibrohim (2016; 2023) dan Rahim et al. (2021) pula memfokuskan kepada aspek pemetaan dialek, khususnya di wilayah Yala dan Narathiwat. Paitoon (1983) dan Suraiya (2020) meneliti sistem fonologi dialek Melayu Patani secara umum, sementara Ruslan (2011) menjalankan kajian di empat wilayah sempadan selatan Thailand. Sareeyah (2016) pula menumpukan kajiannya di wilayah Yala. Secara keseluruhannya, kebanyakan kajian tersebut meliputi kawasan yang luas dan tersebar di seluruh kawasan Patani. Sebaliknya, kajian ini memberikan tumpuan secara lebih terfokus di wilayah Narathiwat, khususnya di tiga daerah utama iaitu Waeng, Sungai Kolok dan Sungai Padi. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan sistem fonologi dialek Melayu Patani varian Narathiwat (DMPVN) dengan memberi fokus kepada dua komponen utama, iaitu sistem vokal dan konsonan.

Sorotan Literatur

Beberapa kajian mengenai dialek Melayu Patani telah dijalankan di wilayah selatan Thailand, antaranya oleh Paitoon (1983), Ruslan (2011), Ibrohim (2016; 2023), Sareeyah (2016), Suraiya (2020) dan Rahim et al. (2021). Paitoon (1983) menjalankan satu kajian perbandingan antara dialek Melayu Patani dan bahasa Melayu dari tiga aspek utama linguistik, iaitu fonologi, morfologi dan sintaksis. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan linguistik antara kedua-dua bahasa dalam ketiga-tiga aspek tersebut. Hasil kajian mendapati bahawa dialek Melayu Patani memiliki 37 fonem, yang terdiri daripada 25 fonem konsonan dan 12 fonem vokal, manakala bahasa Melayu mengandungi 32 fonem, iaitu 26 fonem konsonan dan 6 fonem vokal. Daripada jumlah fonem yang terdapat dalam kedua-dua bahasa ini, terdapat beberapa fonem yang wujud dalam kedua-duanya, manakala ada juga fonem yang hanya terdapat dalam salah satu bahasa sahaja. Fonem yang dikongsi oleh kedua-dua bahasa pula ada yang mempunyai persamaan dan ada yang berbeza dari segi penyebaran atau penggunaannya. Dari sudut sebutan sesuatu perkataan, terdapat bentuk pengucapan yang sama dan juga yang berbeza antara kedua-dua bahasa tersebut.

Ruslan (2011) telah mengemukakan beberapa ciri khas yang menjadi identiti dialek Melayu Patani, antaranya ialah kata ekasuku, vokal sengau, konsonan hembusan, dan konsonan panjang. Ciri-ciri ini dianggap sebagai elemen linguistik yang unik dan berfungsi membezakan dialek Melayu Patani daripada dialek-dialek Melayu yang lain. Kajian ini memberi fokus kepada kewujudan serta penyebaran ciri-ciri khas tersebut dalam subdialek-subdialek Melayu Patani. Penelitian dijalankan di 40 buah kampung merentasi empat wilayah di selatan Thailand, iaitu Yala, Pattani, Narathiwat, dan bahagian selatan Songkhla. Berdasarkan data yang dikumpul daripada lokasi-lokasi tersebut, dialek Melayu Patani dapat dikategorikan kepada sepuluh variasi, yang masing-masing memperlihatkan perbezaan ketara dari segi fonologi dan semantik. Dapatan kajian turut menunjukkan bahawa beberapa fonem konsonan dan diftong tidak tersebar secara menyeluruh dalam kesemua variasi dialek ini. Antara fonem yang mempunyai penyebaran terhad termasuklah fonem konsonan /f/, fonem konsonan /x/, konsonan hembusan, konsonan panjang, serta beberapa fonem diftong yang hanya wujud dalam variasi tertentu sahaja.

Ibrohim (2016; 2023) membincangkan isu berkaitan pemetaan dialek geografi dengan meneliti kesejajaran dan penyebaran dialek berdasarkan aspek fonologi dan leksikal dalam dialek Melayu Patani varian Yaha. Kajian ini turut menganalisis persamaan dan perbezaan antara varian yang dituturkan di kawasan Yaha, wilayah Yala. Pengkaji mengaplikasikan kaedah pemetaan dialek geografi dalam kajian dialektologi dengan menggunakan pendekatan dialektologi sinkronik secara deskriptif. Dialek Melayu Patani varian Yaha dikenal pasti memiliki 21 fonem konsonan dan 8 fonem vokal. Hasil analisis menunjukkan kewujudan kesejajaran dan penyebaran sistem fonologi vokal dan konsonan di beberapa buah kampung di daerah Yaha. Dari segi data leksikal, kajian ini mendapati wujudnya variasi antara kampung-kampung di kawasan tersebut, yang mencerminkan perbezaan dalam penggunaan kosa kata. Secara keseluruhan, kajian ini merumuskan bahawa dialek Melayu Patani di daerah Yaha dapat diklasifikasikan kepada tiga kelompok utama, iaitu varian Yaha asli, varian pendatang, dan varian percampuran dialek.

Sareeyah (2016) telah meneliti aspek fonologi dialek Melayu Patani dengan memberikan tumpuan kepada inventori fonem konsonan dan vokal, serta proses-proses fonologi dalam dua subvarian, iaitu Saga dan Tannyung di wilayah Yala. Kajian ini menggunakan pendekatan Fonologi Struktural bagi menentukan ciri-ciri segmental, termasuklah mengenal pasti bunyi vokal, konsonan dan diftong yang terdapat dalam kedua-dua subvarian tersebut. Pendekatan yang sama turut digunakan dalam menganalisis proses fonologi yang berlaku dalam kedua-dua subvarian berkenaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa subvarian Saga dan Tannyung masing-masing memiliki 21 fonem konsonan, lapan fonem vokal, serta satu fonem diftong, iaitu [au]. Di samping itu, kajian ini turut mengenal pasti pengaruh bahasa Thai, khususnya dalam proses perubahan bunyi konsonan [t] kepada [t^h]. Selain itu, satu proses fonologi yang dikenal pasti ialah perubahan diftong kepada monoftong. Dalam fenomena ini, diftong [ai] dan [au] yang berada di posisi akhir kata mengalami perubahan iaitu berubah menjadi vokal rendah [a] dan vokal separuh rendah [ɛ] dalam kedua-dua subvarian.

Suraiya (2020) telah menjalankan kajian yang meneliti aspek fonologi dialek Melayu Patani, meliputi inventori fonem vokal, inventori fonem konsonan, serta proses-proses fonologi yang berlaku dalam dialek Melayu Patani. Hasil kajian menunjukkan bahawa dialek Melayu Patani memiliki 12 fonem vokal yang dapat dikategorikan kepada tiga jenis vokal, iaitu vokal oral, vokal terbitan, dan vokal nasal. Sementara itu, sistem konsonan dalam dialek Melayu Patani terdiri daripada 28 fonem konsonan, yang dikelaskan kepada tiga kumpulan utama, iaitu konsonan asli, konsonan aspirasi, dan konsonan pinjaman. Dari segi struktur suku kata, dialek Melayu Patani tergolong dalam pola suku kata jenis ketiga, iaitu pola KV(K). Kajian ini turut mengenal pasti beberapa proses fonologi yang berlaku dalam dialek Melayu Patani, termasuk pengguguran, asimilasi, glotalisasi, nasalisasi vokal, perubahan vokal, dan monoftongisasi.

Rahim et al. (2021) membincangkan isu pemetaan dialek geografi dengan meneliti kesejajaran dan penyebaran dialek berdasarkan aspek fonologi dan leksikal di daerah Waeng, wilayah Narathiwat. Pengkaji mengaplikasikan kaedah pemetaan dialek geografi dalam kajian dialektologi dengan menggunakan pendekatan dialektologi sinkronik secara deskriptif. Dialek Melayu Patani variasi Waeng dikenal pasti mempunyai lapan fonem vokal dan lapan belas fonem konsonan. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesejajaran aspek fonologi dalam dialek ini lebih teratur dan sistematik berbanding kesejajaran dalam aspek leksikal. Dari sudut leksikal, kebanyakan daftar kata yang dianalisis menunjukkan pola penyebaran yang tidak seragam dan bersifat bersimpang-siur. Secara keseluruhan, kesejajaran dan penyebaran variasi dialek di daerah Waeng dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori utama, iaitu variasi Waeng asli, variasi luar atau variasi pendatang, dan variasi percampuran dialek.


Metodologi

Kajian ini bertujuan untuk mendeskripsikan sistem fonologi DMPVN yang merangkumi dua komponen utama, iaitu vokal dan konsonan. Pendekatan yang diterapkan dalam kajian ini ialah metode kualitatif deskriptif yang berasaskan pendekatan struktural. Bagi memperoleh data dan maklumat linguistik yang komprehensif, dua kaedah utama telah digunakan, iaitu kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Kajian kepustakaan melibatkan pengumpulan data sekunder berkaitan dialek Melayu Patani yang diperoleh daripada pelbagai sumber akademik seperti buku, tesis, jurnal, dan teks ilmiah yang relevan. Sementara itu, kajian lapangan dilaksanakan bagi mendapatkan data primer yang lebih autentik dan kontekstual berkenaan fenomena linguistik dalam komuniti penutur (Asmah, 2015). Di samping itu, kajian lapangan turut merangkumi aspek-aspek penting seperti lokasi kajian, pemilihan informan, teknik pengumpulan data, penganalisisan data serta pemaparan data.

Kajian ini dijalankan di wilayah Narathiwat, Thailand. Tiga buah daerah telah dipilih sebagai lokasi kajian, iaitu Daerah Waeng, Daerah Sungai Kolok dan Daerah Sungai Padi. Sebanyak enam buah kampung terlibat dalam kajian ini, iaitu Kampung Kresor (KRS), Kampung Buketa (BKT), Kampung Puyok (PYK), Kampung Munok (MNK), Kampung Benae Luwas (BNL), dan Kampung Aikubu (AKB). Pemilihan kampung-kampung ini adalah berdasarkan kepada kedudukannya sebagai petempatan penduduk asal yang masih mengekalkan penggunaan dialek Melayu Patani, khususnya dialek asli setempat. Selain itu, terdapat juga segelintir penduduk yang beragama Buddha dan menggunakan bahasa campuran antara dialek Melayu

Patani dan bahasa Thai. Ketiga-tiga daerah ini dipilih kerana masih mengekalkan ciri-ciri budaya Melayu yang tulen dari aspek bahasa, budaya, gaya hidup serta amalan tradisi.

Pemilihan informan dalam kajian ini dibuat berdasarkan kriteria NORM (Non-mobile, Older, Rural, Male) dan dalam beberapa keadaan, pemilihan informan juga dilakukan secara bertentangan dengan kriteria tersebut, iaitu menggunakan kriteria NORF (Non-mobile, Older, Rural, Female) bagi mendapatkan data yang lebih autentik dan bersifat semula jadi (Chambers & Trudgill, 1998). Kajian ini menggunakan dua metode utama dalam pengumpulan data, iaitu metode semak dan metode cakap (Mahsun, 2005). Sementara itu, teknik pengumpulan data yang digunakan merangkumi teknik pencatatan, teknik temu bual, teknik perakaman, teknik pengajuan gambar serta teknik penggunaan senarai daftar kata. Senarai daftar kata yang digunakan dalam kajian ini diadaptasi daripada senarai daftar kata yang diperkenalkan oleh Ajid (1985) dalam kajiannya yang bertajuk 'Dialek Geografi Pasir Mas'. Senarai daftar kata tersebut dijadikan sebagai panduan asas dan telah disesuaikan mengikut konteks masyarakat kajian. Senarai daftar kata ini terdiri daripada 400 kosa kata yang merangkumi dua belas bidang semantik iaitu kata kerja, kata adjektif, kata bilangan, waktu dan cuaca, nama dan kata ganti nama, persaudaraan, tubuh badan, rumah dan alat rumah, alat pertanian, pakaian, makanan serta binatang. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis dan dipaparkan dalam bentuk transkripsi fonetik dengan menggunakan lambang fonetik antarabangsa (IPA). Pemaparan data turut dibantu dengan penggunaan jadual dan rajah untuk menghuraikan sistem fonologi yang terdapat dalam dialek Melayu Patani varian Narathiwat.



Rajah 1. Peta wilayah Narathiwat
Sumber: Maps of world (2025)

Hasil Kajian dan Perbincangan

Bahagian ini menyerlahkan hasil analisis data pertuturan penutur DMPVN yang diperoleh dari tiga daerah utama di wilayah Narathiwat, iaitu Daerah Waeng, Daerah Sungai Kolok, dan Daerah Sungai Padi. Kajian ini melibatkan enam buah kampung, iaitu KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB. Aspek yang dihuraikan dalam bahagian ini merangkumi jumlah inventori serta penyebaran fonem dalam DMPVN. Huraian fonologi ini dibahagikan kepada dua komponen utama, iaitu analisis terhadap fonem vokal dan fonem konsonan.

1. Vokal Dialek Melayu Patani Varian Narathiwat

Hasil kajian menunjukkan bahawa DMPVN mempunyai lapan vokal iaitu /i, e, ε, a, ə, u, o dan ɔ/. Fonem-fonem tersebut dikategorikan kepada empat vokal depan, satu vokal tengah dan tiga vokal belakang. Penyebaran vokal ini wujud dalam posisi awal kata (AWK), suku kata praakhir (SKP), suku kata akhir tertutup (SAT) dan suku kata akhir terbuka (SAB). Inventori dan penyebaran vokal DMPVN diperincikan dalam Jadual 1.

Jadual 1. Inventori vokal DMPVN

Kedudukan	Bahagian	Depan	Tengah	Belakang
	Sempit	i		u
	Separuh sempit	e	ə	o
	Separuh luas	ε		ɔ
	Luas	a		

Vokal Depan

Vokal depan merujuk kepada vokal yang dihasilkan menerusi pergerakan bahagian depan lidah dan bibir dibentuk secara hampar. Paras ketinggian pergerakan depan lidah membentuk darjah bukaan atau ruang tertentu dalam rongga oral di sekitar kawasan langit keras iaitu sama ada membentuk ruang yang sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat empat vokal depan yang dikenal pasti iaitu vokal sempit depan [i], vokal separuh sempit depan [e], vokal separuh luas depan [ε] dan vokal luas depan [a]. Vokal depan [i], [ε] dan [a] menunjukkan distribusi yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi suku kata, iaitu pada awal suku kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup, dan suku kata akhir terbuka. Sebaliknya, vokal depan [e] mempunyai distribusi yang lebih terhad kerana hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi vokal depan DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Penyebaran vokal depan

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran vokal depan
/i/	ikan	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [ike]
	tiga	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tigo]
	nasi	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [nasiʔ]
	tali	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [taliʔ]
/e/	keluar	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tubeʔ]
	pasir	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pase]
	esok	AWK	KRS, BKT, PYK dan MNK [esoʔ]; BNL dan AKB [isoʔ]
/ε/	dahan	TGK	KRS, BKT, PYK dan MNK [dehe]; BNL dan AKB [dahe]
	cakap	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [keʔeʔ]
	pisang	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pise]
	adik	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [adeʔ]
/a/	makan	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [make]
	malas	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [malah]
	bantal	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bata]

Vokal Tengah

Vokal tengah merujuk kepada vokal yang dihasilkan dengan keadaan atau posisi badan lidah berada di pertengahan ruang rongga oral (hampir menyamai ketinggian satu pertiga dari kedudukan rehatnya). Bentuk bibir dalam keadaan neutral (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat sebuah vokal tengah iaitu vokal separuh sempit tengah [ə]. Vokal tengah menunjukkan distribusi yang agak terhad kerana vokal [ə] hanya hadir pada posisi suku kata praakhir sahaja. Contoh penyebaran bunyi vokal tengah DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 3.

Jadual 3. Penyebaran vokal tengah

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran vokal tengah
/ə/	besar	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bəsa]
	petang	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pəte]

Vokal Belakang

Vokal belakang merujuk kepada vokal yang dihasilkan menerusi pergerakan bahagian belakang lidah dan bibir dibentuk secara bundar. Paras ketinggian pergerakan belakang lidah membentuk darjah bukaan atau ruang tertentu dalam rongga oral di sekitar kawasan langit lembut iaitu sama ada membentuk ruang yang sempit, separuh sempit, separuh luas dan luas (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat tiga vokal belakang iaitu vokal sempit belakang [u], vokal separuh sempit belakang [o] dan vokal separuh luas belakang [ɔ]. Vokal belakang [u] dan [ɔ] menunjukkan distribusi yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi suku kata, iaitu pada awal suku kata, suku kata praakhir, suku kata akhir tertutup, dan suku kata akhir terbuka. Sebaliknya, vokal belakang [o] mempunyai distribusi yang lebih terhad kerana hanya hadir pada posisi akhir kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi vokal belakang DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 4.

Jadual 4. Penyebaran vokal belakang

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran vokal belakang
/u/	ular	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [ula]
	kulit	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kuleʔ]
	lutut	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [lutuʔ]
	paku	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pakuʷ]
/o/	buluh	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [buloh]
	tidur	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tido]
/ɔ/	urat	AWK	KRS, BKT, PYK dan MNK [ɔʏaʔ]; BNL dan AKB [uʏaʔ]
	buaya	SKP	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bɔjɔ]
	basah	SAT	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [basəh]
	cili	SAB	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [lado]

2. Konsonan Dialek Melayu Patani Varian Narathiwat

Hasil kajian menunjukkan bahawa DMPVN mempunyai sebanyak lapan belas konsonan, iaitu /p, t, k, b, d, g, s, h, ʏ, ʃ, dʒ, m, n, ɲ, l, w, j/. Fonem-fonem tersebut dikategorikan kepada enam konsonan letupan, tiga konsonan geseran, dua konsonan letusan, empat konsonan sengauan, satu konsonan sisian, dan dua konsonan separuh vokal. Penyebaran konsonan ini wujud dalam posisi awal kata (AWK), tengah kata (TGK) dan akhir kata (AKK). Inventori dan penyebaran konsonan DMPVN diperincikan dalam Jadual 5.

Jadual 5. Inventori konsonan DMPVN

Daerah sebutan		Dua bibir	Gigi gusi	Lelangit keras	Lelangit lembut	Glotal
Cara sebutan						
Letupan	Tbs	p	t		k	
	Bs	b	d		g	
Geseran	Tbs					
	Bs		s		ʏ	h
Letusan	Tbs			ʃ		
	Bs			dʒ		
Sengauan	Bs	m	n	ɲ	ŋ	
Sisian	Bs		l			
Separuh Vokal	Bs	w		j		

Konsonan Letupan

Konsonan letupan merujuk kepada konsonan yang dihasilkan menerusi penyaringan arus udara di rongga oral. Aliran udara yang melalui kawasan rongga oral akan mengalami sekatan penuh di daerah artikulasi tertentu dan kemudian dilepaskan dengan serta merta (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat enam konsonan

letupan iaitu konsonan letupan dua bibir tak bersuara dan bersuara [p, b], letupan gigi-gusi tak bersuara dan bersuara [t, d] serta letupan lelangit lembut tak bersuara dan bersuara [k, g]. Bunyi konsonan letupan tidak bersuara menunjukkan distribusi fonem yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi kata, iaitu pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Pada posisi akhir kata konsonan letupan [p, t, k] hadir sebagai hentian glotal [ʔ]. Sebaliknya, konsonan letupan bersuara pula mempunyai distribusi yang agak terhad kerana hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi konsonan letupan DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6. Penyebaran konsonan letupan

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan letupan
/p/	pasir	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pase]
	dapur	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [dapo]
	sedap	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [sədaʔ]
	tulang	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tule]
/t/	tutup	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [katoʔ]
	sakit	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [sakeʔ]
	kucing	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kuʔiŋ]
/k/	leher	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [təkoʔ]
	betik	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bəteʔ]
/b/	bintang	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bite]
	keluar	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tubeʔ]
/d/	dagu	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [dagu ^w]
	adik	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [adeʔ]
/g/	guruh	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [guyoh]
	pagi	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [paɣi]

Konsonan Geseran

Konsonan geseran merujuk kepada konsonan yang dihasilkan menerusi penyaringan arus udara di rongga oral. Penyaringan arus udara di rongga oral ini adalah dalam bentuk penyempitan (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat tiga konsonan geseran iaitu konsonan geseran gigi gusi tak bersuara [s], geseran glotal tak bersuara [h] serta geseran lelangit lembut bersuara [ɣ]. Bunyi konsonan geseran tidak bersuara menunjukkan distribusi fonem yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi kata, iaitu pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Pada posisi akhir kata konsonan geseran [s] hadir sebagai geseran glotal [h]. Sebaliknya, konsonan geseran bersuara pula mempunyai distribusi yang agak terhad kerana hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi konsonan geseran DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7. Penyebaran konsonan geseran

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan geseran
/s/	sungai	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [suŋa]
	pisang	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pise]
	udang	AWK	KRS, PYK, BNL dan AKB [hude]; BKT dan MNK [ude]
/h/	dahan	TGK	KRS, BKT, PYK dan MNK [dehe]; BNL dan AKB [dahe]
	manis	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [manih]
/ɣ/	harimau	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [ɣima]
	darah	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [dayoh]

Konsonan Letusan

Konsonan letusan merujuk kepada konsonan yang dihasilkan menerusi penyaringan arus udara di rongga oral. Aliran udara yang melalui daerah artikulasi tertentu di kawasan lelangit keras akan mengalami sekatan penuh dan dilepaskan dengan cara perlahan-lahan (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat dua konsonan letusan iaitu konsonan letusan lelangit keras tak bersuara [tʃ] dan letusan lelangit keras bersuara [dʒ]. Bunyi konsonan letusan menunjukkan distribusi fonem yang agak terhad. Hal ini kerana konsonan letusan [tʃ, dʒ] hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi konsonan letusan DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 8.

Jadual 8. Penyebaran konsonan letusan

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan letusan
/tʃ/	cacing	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [tʃaʃiŋ]
	pecah	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [pəʃəh]
/dʒ/	jarum	AWK	KRS, PYK, BNL dan AKB [jaʒoŋ]; BKT dan MNK [dʒaʒoŋ]
	meja	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [mɛdʒə]

Konsonan Sengauan

Konsonan sengauan merujuk kepada konsonan yang dihasilkan menerusi penyaringan arus udara di rongga oral dan ketiadaan sekatan laluan ke rongga nasal oleh anak tekak. Aliran udara yang melalui daerah artikulasi tertentu di kawasan rongga oral mengalami sekatan penuh (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat empat konsonan sengauan iaitu konsonan sengauan dua bibir bersuara [m], sengauan gigi-gusi bersuara [n], sengauan lelangit keras bersuara [ɲ] serta sengauan lelangit lembut bersuara [ŋ]. Bunyi konsonan sengauan [ŋ] menunjukkan distribusi fonem yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi kata, iaitu pada awal kata, tengah kata dan akhir kata. Sebaliknya, konsonan sengauan [m], [n] dan [ɲ] mempunyai distribusi yang agak terhad kerana hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi konsonan sengauan DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 9.

Jadual 9. Penyebaran konsonan sengauan

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan sengauan
/m/	rambutan	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [mɔʔtɛ]
	lima	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [limɔ]
/n/	nasi	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [nasiʔ]
	kuning	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kuniŋ]
/ɲ/	kelapa	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [ɲɔ]
	banyak	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [baɲɔʔ]
/ŋ/	nganga	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [ŋaŋɔ]
	langit	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [laŋiʔ]
	kucing	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kuʃiŋ]

Konsonan Sisian

Konsonan sisian merujuk kepada konsonan yang dihasilkan apabila arus udara yang melalui rongga oral disekat di tengah-tengah rongga oral berkenaan oleh bahagian depan lidah yang melengkung ke arah gigi gusi dan serentak membenarkan pengaliran arus udara ini di bahagian sisi kanan serta kiri lidah (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat satu konsonan sisian iaitu konsonan sisian gigi gusi bersuara [l]. Bunyi konsonan sisian menunjukkan distribusi fonem yang agak terhad. Hal ini kerana konsonan sisian [l] hanya hadir pada posisi awal kata dan tengah kata sahaja. Contoh penyebaran bunyi konsonan sisian DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 10.

Jadual 10. Penyebaran konsonan sisian

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan sisian
/l/	lilin	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [lileŋ]
	pulut	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [puloʔ]

Konsonan Separuh Vokal

Konsonan separuh vokal merujuk kepada konsonan yang dihasilkan menerusi penyaringan arus udara di rongga oral. Penghasilan konsonan ini melibatkan aktiviti penggeluncuran pantas artikulator di beberapa titik artikulasi tertentu misalnya di lelangit lembut dan lelangit keras, serentak dengan penghasilan bentuk bibir yang tertentu (Shahidi, 2023). Dalam DMPVN terdapat dua konsonan separuh vokal iaitu konsonan separuh vokal dua bibir bersuara [w] dan separuh vokal lelangit keras bersuara [j]. Bunyi konsonan separuh vokal menunjukkan distribusi fonem yang meluas kerana dapat hadir dalam semua posisi kata, iaitu pada awal kata,

tengah kata dan akhir kata. Pada posisi akhir kata konsonan separuh vokal [w] dan [j] hadir dalam bentuk geluncuran iaitu [-^w] dan [-^j]. Contoh penyebaran bunyi konsonan separuh vokal DMPVN ditunjukkan dalam Jadual 11.

Jadual 11. Penyebaran konsonan separuh vokal

Fonem	Glos	Posisi	Penyebaran konsonan separuh vokal
/w/	layang-layang	AWK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [wa]
	bawang	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [bawe]
	batu	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [batu ^w]
/j/	lelaki	AWK	KRS, PYK, BNL dan AKB [jate]; BKT dan MNK [dgate]
	kayu	TGK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kaju ^w]
	kaki	AKK	KRS, BKT, PYK, MNK, BNL dan AKB [kaki ^j]

Kesimpulan

Kajian ini membincangkan mengenai pendeskripsian sistem fonologi yang wujud dalam DMPVN dengan memberikan tumpuan kepada dua komponen utama, iaitu sistem vokal dan konsonan. DMPVN mempunyai lapan vokal yang terdiri daripada empat vokal depan /i/, /e/, /ɛ/ dan /a/; satu vokal tengah /ə/ serta tiga vokal belakang /u/, /o/ dan /ɔ/. Bagi konsonan pula, terdapat lapan belas konsonan yang merangkumi enam konsonan letupan /p/, /b/, /t/, /d/, /k/ dan /g/; tiga konsonan geseran /s/, /ʃ/ dan /h/; dua konsonan letusan /tʃ/ dan /dʒ/; empat konsonan sengauan /m/, /n/, /ɲ/ dan /ŋ/; satu konsonan sisian /l/ serta dua konsonan separuh vokal /w/ dan /j/. Secara keseluruhannya, pendeskripsian sistem fonologi yang dikemukakan dalam kajian ini boleh dianggap sebagai langkah awal ke arah membantu proses rekonstruksi dan pengklasifikasian DMPVN pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana penentuan keautonoman sesuatu fonem merupakan aspek penting dalam kajian perbandingan bahasa. Pada dasarnya, kajian ini memberikan sumbangan yang signifikan terhadap pengkajian dialektologi Melayu. Kajian ini turut menjadi sumber ilmiah yang bermanfaat dan memperkayakan khazanah ilmu dalam bidang linguistik Melayu, khususnya berkaitan dengan dialek Melayu Patani.

Namun demikian, hakikatnya, kajian berkaitan pemerian aspek linguistik DMPVN masih belum menyeluruh dan berpadu. Masih terdapat banyak lagi aspek linguistik berkaitan DMPVN yang perlu diterokai dan diperluaskan. Di samping pemeluasan data kajian, kajian lanjut wajar memanfaatkan penelitian data berasaskan teknologi terkini khususnya menerusi analisis spektrograf *via* aplikasi *PRAAT* (lihat misalnya, Shahidi & Shirley 2014, Shahidi & Mumad 2020) dan analisis reruang *via* aplikasi *Geographical Information System* (lihat misalnya, Fazal Mohammed *et al.* 2019, Shahidi *et al.* 2020). Dicadangkan juga agar kajian lanjut berkaitan DMPVN khususnya berkaitan aspek morfosintaksis dan semantik dapat dihasilkan dalam penyelidikan pada masa hadapan. Kajian-kajian lanjut seperti yang dicadangkan tersebut dijangka mampu memerihalkan DMPVN dan penutur natifnya secara lebih tuntas dan mendalam. Penyelidikan DMPVN menerusi bidang-bidang ilmiah lain seperti Etnografi dan Sosiologi juga wajar diperluaskan agar penutur varian ini dapat lebih difahami sekaligus memudahkan usaha memetakan perbandingan varian dialek ini dengan varian-varian lain yang tergolong sebagai Dialek Melayu Patani.

Penghargaan: Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua informan yang telah meluangkan masa serta memberikan maklum balas yang amat bernilai dalam menjayakan kajian ini. Sumbangan dan kerjasama yang diberikan amat dihargai dan telah memberikan impak yang signifikan terhadap keberhasilan penyelidikan ini.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Persetujuan termaklum telah diperoleh secara jelas dan sukarela daripada semua informan yang terlibat dalam kajian ini sebelum pengumpulan data dijalankan.

Konflik Kepentingan: Penulis dengan ini mengesahkan bahawa tiada sebarang bentuk konflik kepentingan yang terlibat sepanjang pelaksanaan kajian ini.

Rujukan

- Ajid, C. K. (1985). *Dialek geografi Pasir Mas*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah, H. O. (2015). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan* (Edisi ke-2). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1998). *Dialectology*. Cambridge University Press.
- Deela, S., Rahim, A., & Shahidi, A.H. & Rahanee, T. (2024). Dialek Melayu Patani: Tinjauan literatur bersistematik. *Jurnal Melayu*, 23(1), 77-93.
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/73658/15506>
- Deela, S., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2025). Lexical reconstruction of Proto-Patani: The case of Narathiwat variants. *Jurnal Melayu*, 24(1), 101-114. <https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/86738/17165>
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nor Hashimah Jalaluddin, Harishon Radzi, Junaidi Kasdan, Muhammad Faiz Aizuddin Suhami. (2019). Dialek Melayu Perlis: Pemetaan geodialek beraplikasikan GIS. *Akademika*, 89(2), 139-154. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-8902-11>
- Ibrohim, M. (2016). *Pemetaan dialek geografi varian Yaha* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrohim, M. (2023). Penyebaran sistem vokal DMP di Yaha. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 2, 267-287. <https://doi.org/10.32890/rentas2023.2.12>
- Mahsun, M. S. (2005). Metode penelitian bahasa: *Tahapan strategi, metode, dan tekniknya*. PT Raja Grafindo Persada.
- Maps of World. (2025). Wilayah Narathiwat <https://www.mapsofworld.com/thailand/provinces/narathiwat-map.html>
- Mohd Tarmizi, H., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2014). *Fosil dialek Melayu Hulu Pahang*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mumad, C., Rahim, A., Shahidi, A. H., Nazihah Najwa, O., Suhailah, R., Nooraniza, A. B., Rusydiah, A. S., Fatin Hakimah, M. F., & Deela, S. (2017). Penerokaan maklumat linguistik dalam dialek Melayu Jugra: Penelitian fonologi struktural. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 12(3), 1-29.
<https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/22485>
- Nik Anuar, N. M. (2006). *Sejarah perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norfazila, A. H., & Shahidi, A. H. (2024). Penyebaran fonem konsonan Melanau Balingian Sarawak. *Jurnal Melayu*, Isu Khas Disember (2024), 25-39.
<https://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/81202/16612>
- Norfazila, A. H., Shahidi, A. H. & Wan Robiah, M. O. (2023). Variasi vokal dan diftong bahasa Melanau Sarawak. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(4), 245-262.
<https://doi.org/10.17576/geo-2023-1904-17>
- Nur Habibah, C. R., Rahim, A., & Shahidi, A. H. (2023). Dialek Hulu Perak Utara: *Pendekatan linguistik perbandingan*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Paitoon, M. C. (1983). *Dialek Melayu Patani dan bahasa Malaysia: Satu kajian perbandingan segi fonologi, morfologi dan sintaksis* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Malaya.
- Paitoon, M. C. (2005). Transmorfofonologisasi suprafiks: Dialek Patani merentasi zaman. *Jurnal Bahasa*, 5(1), 51-67. <http://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/8538>
- Rahim, A. (2017). *Linguistik bandingan bahasa Bidayuhik*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rahim, A., Deela, S., & Shahidi, A. H. (2021). *Dialek geografi Melayu Patani varian Waeng*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslan, U. (2011). *Keistimewaan dialek Melayu Patani*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sareeyah, S. (2016). *Fonologi bahasa Melayu Patani varian Yala: Kajian kes di kampung Saga dan Tanyung* [Tesis sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahidi, A.H. (2023). *Pengantar fonetik dan fonologi bahasa Melayu*. MK e-Solutions Sdn. Bhd.
- Shahidi, A.H., Mohamad Firdaus Azaharuddin, Rahim Aman & Muhamad Syahmi Shabri. (2020). Pemetaan isoglos varian dialek Terengganu berasaskan aplikasi sistem maklumat geografi. *GEOGRAFA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space*. 16(4), 179-196.

<https://doi.org/10.17576/geo-2020-1604-13>

- Shahidi, A.H. & Mumad CheLaeh. (2020). Pemanjangan konsonan dalam dialek Melayu Patani. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 20(3), 181-198. <http://doi.org/10.17576/gema-2020-2003-11>
- Shahidi, A.H. & Shirley Langgau. (2014). Penelitian akustik terhadap aspek sebutan bahasa Melayu oleh penutur Iban. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 9(2), 104-115. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/article/view/11090>
- Suraiya, C. (2020). The phonological of Patani Malay dialect: An analysis of Autosegmental theory. *Indonesian Journal of Education, Social Sciences and Research (IJESSR)*, 1(2), 71-78. <https://jurnal.umsu.ac.id/index.php/ijessr/article/view/5033>
- Worawit, B. (1990). *Pengaruh bahasa Thai ke atas dialek Melayu Patani: Kajian kes sosiolinguistik di wilayah Pattani* [Tesis sarjana tidak diterbitkan, Universiti Malaya].